



Perkembangan dan cabaran sektor perniagaan sebagai pemangkin pembangunan bandar kecil: Kajian empirikal di Daerah Besut, Terengganu

Rosniza Aznie Che Rose¹, Nurul Fatimah Jusoh¹, Rosmiza MZ¹, Lyndon N.¹, Mokhtar J.¹

¹Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence: Rosniza Aznie Hj. Che Rose (email: aznie@ukm.edu.my)

Abstrak

Bandar kecil berfungsi sebagai pusat perkhidmatan kepada masyarakat luar bandar yang memainkan peranan yang penting dalam pembangunan. Pertumbuhan sektor perniagaan yang semakin berkembang menyebabkan terjadinya perubahan pada rupa fizikal, struktur bandar dan cabaran kepada peniaga kecil. Kajian ini menganalisis trend perkembangan sektor perniagaan di tiga bandar kecil daerah Besut, iaitu Jerteh, Kampung Raja dan Kuala Besut. Sumber data primer adalah hasil soalselidik 200 orang peniaga berlesen. Hasil kajian mendapati ketiga-tiga bandar kecil ini berupaya mengagihkan barangan dan kemudahan perkhidmatan sosial asas kepada penduduk. Namun demikian, didapati pusat perniagaan utama kurang seimbang dari segi pembangunannya. Bagaimanapun, keadaan ini hanya berlaku di Kampung Raja dan beberapa kawasan lain yang terpencil. Oleh yang demikian, penstrukturan dan perancangan semula bandar kecil perlu dilakukan untuk membentuk sebuah bandar kecil yang aktif berfungsi dan mampu memberi perkhidmatan yang baik kepada kawasan tadahan di sekitarnya dengan memperkasakan lagi perancangan perniagaan.

Katakunci: bandar kecil, luar bandar, penduduk, perniagaan, pertumbuhan ekonomi, struktur bandar

Development challenges of the business sector as a catalyst for the development of small towns: An empirical study of Besut, Terengganu

Abstract

Small town functions as a service centre for local and plays an important role in development. The development of the business sector may lead not only to physical and structural changes of the towns but also the challenges faced by small business. This study analyses the issues and challenges encountered in the Besut district in developing the business sector of three small towns of Jertih, Kampung Raja dan Kuala Besut. Primary data were gathered from a field survey of 200 licensed businessmen. The findings revealed that small business in the three towns did face the challenge of having to compete with big business although admittedly their development had helped positively in the distribution of goods and social services to the community. There was also the issue of imbalanced development in Kampung Raja pointing to the imperative of an urban restructuring in favour of empowering the small town's active functioning in delivering goods and services to its surrounding community.

Keywords: business, community, economic growth, small town, rural area, urban development

Pengenalan

Secara asasnya, aktiviti perniagaan merupakan salah satu cabang daripada sektor ekonomi penting dan menjadi faktor ekonomi yang membantu pembangunan di sesebuah kawasan khususnya di bandar kecil. Ia menjadi satu kegiatan ekonomi yang tidak asing lagi bagi penduduk negara ini tidak kira sama ada di bandar besar, bandar kecil atau di kampung-kampung. Rosmin & Katiman (2014) mengatakan bahawa kegiatan ekonomi seperti aktiviti perniagaan, perindustrian, pengangkutan dan perkhidmatan boleh mempengaruhi pertumbuhan dan perkembangan sesebuah bandar. Konteks negara Malaysia, aktiviti perniagaan sama ada sektor formal dan sektor tidak formal sentiasa mendapat perhatian, sokongan dan galakan daripada kerajaan di peringkat persekutuan, negeri mahupun tempatan. Kewujudan kedua-dua sektor ini dikatakan dapat membantu kerajaan dalam menghidupkan suasana aktiviti bandar serta turut memberi hasil tambahan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) melalui bayaran denda, iklan papan tanda, tempat letak kereta dan sebagainya. Oleh sebab itu, berdasarkan kajian yang dijalankan, didapati sektor perniagaan merupakan salah satu daripada sektor asas ekonomi ketiga yang menyumbang kepada pembangunan ekonomi dan bandar di daerah Besut. Perkembangan sektor perniagaan di daerah Besut secara langsung telah mempengaruhi pembangunan bandar kecil di kawasan kajian. Selain itu, sektor perniagaan turut memainkan peranan penting dalam pembangunan tenaga kerja serta menjadi pemangkin kepada pembangunan ekonomi dan pertumbuhan bandar.

Menyedari betapa pentingnya aktiviti perniagaan terhadap pembangunan ekonomi bandar, pihak kerajaan khususnya Majlis Daerah Besut (MDB) telah mengeksploitasi segala peluang yang wujud sepenuhnya dalam usaha membangunkan sektor perniagaan dan penjajaan ke tahap yang lebih baik. Hal ini selaras dengan dasar kerajaan tempatan yang sentiasa menggalakkan pertumbuhan sektor perniagaan dalam membantu merencanakan lagi kegiatan ekonomi setempat. Melihat kepada keadaan semasa, terdapat tiga buah bandar kecil yang menjadi tumpuan perniagaan dan perkhidmatan utama di daerah Besut iaitu bandar Jertih, Kampung Raja dan Kuala Besut. Aktiviti perniagaan yang dijalankan adalah terdiri daripada aktiviti perniagaan formal dan aktiviti tidak formal. Aktiviti perniagaan dan penjajaan merupakan satu aspek penting dalam mencorakkan pembangunan kawasan bandar di kawasan kajian. Selain itu, pelaksanaan projek-projek pembangunan seperti Taman Ilmu dan Universiti Darul Iman di Tembila, projek menaiktaraf Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) di Gong Kedak, pembangunan semula Kuala Besut, pembangunan sektor pelancongan, perindustrian dan pertanian serta pembangunan institusi-institusi pendidikan mampu menjana pertumbuhan sektor perniagaan dan penjajaan di samping menonjolkan lagi imej bandar di Besut.

Pembangunan perniagaan di daerah Besut terutama di kawasan kajian seperti bandar Jertih, Kampung Raja dan Kuala Besut dijangka akan terus berkembang seiring dengan pertambahan penduduk dan proses pembangunan. Pembangunan perniagaan terutamanya di pusat bandar Jertih perlu dipertingkatkan dalam usaha mengukuhkan peranannya sebagai pusat perkhidmatan utama. Oleh sebab itu, sektor perniagaan dan penjajaan memerlukan perancangan pembangunan masa hadapan yang lebih efektif ke arah membantu merealisasikan matlamat Terengganu untuk menjadi bandar maju menjelang tahun 2020.

Perspektif teori pembangunan bandar kecil

Teori pertumbuhan klasik dan moden banyak menekankan tentang kepentingan bandar kecil sebagai strategi untuk membangunkan ekonomi kawasan luar bandar. Menurut Tacoli (1998), beliau mengatakan bahawa pada tahun-tahun 1950an dan 1960an bandar kecil dilihat memainkan peranan penting dalam pembangunan sebagai pusat inovasi dan pemodenan yang akan 'mengalirkan' kesejahteraan yang wujud dari inovasi dan modenisasi ke kawasan luar bandar (Yazid et al., 2012). Dalam masa yang sama (tahun 1960an) pelbagai polisi telah diperkenalkan untuk pembangunan bandar kecil namun, majoritinya gagal mencapai matlamatnya. Dalam tempoh 10 tahun terakhir abad baru ini, kebanyakan penyelidikan lebih memberi fokus kepada pembangunan ekonomi dan program pembasmian kemiskinan (Yazid et al., 2012).

Kaedah terbaik untuk membangunkan kawasan luar bandar ialah dengan menyeimbangkan pembangunan di bandar kecil itu sendiri. Peranan bandar kecil dalam pembangunan kawasan luar bandar dan kawasan-kawasan yang berhampiran sebenarnya turut bergantung kepada strategi yang disediakan di peringkat nasional dan global (Satterthwaite & Tacoli, 2003). Secara umumnya, penyelidikan dan wacana pembangunan bandar kecil terbahagi kepada dua iaitu penyelidikan yang bersifat sosioekonomi dan pembangunan yang membincangkan peranan dan fungsi bandar kecil dalam konteks pembangunan bandar mahupun wilayah dan wacana yang melihat bandar kecil dari perspektif sosiologi, ethnologi dan psikologi seperti memeriksa susun lapis masyarakat, corak kelakuan atau tingkah laku masyarakat dan interaksi sosial dalam kalangan masyarakat di bandar kecil (Von Bloh, 2008).

Secara khususnya, terdapat dua pandangan mengenai pembangunan bandar kecil. Pandangan yang pertama ialah melihat bandar kecil sebagai sebuah pusat di mana segala inovasi dan pemodenan akan dialirkan ke kawasan luar bandar dalam masa yang sama, interaksi antara bandar kecil dan pusat-pusat lain di sekitarnya akan meningkat seterusnya kawasan pinggir di sekitar bandar kecil akan menerima manfaat pembangunan yang dialirkan dari bandar kecil tersebut (Rondinelli & Ruddle, 1976; Hopkins, 1979; Hardoy & Satterthwaite, 1986; Tacoli, 1988; Satterthwaite & Tacoli, 2003; Wandscheinder, 2004 dan Satterthwaite, 2006).

Umum mengetahui bahawa bandar kecil di kebanyakan negara membangun seharusnya berfungsi sebagai penggerak ke arah kewujudan aktiviti perniagaan yang berteraskan pertanian di samping menyediakan infrastruktur kepada penduduknya (Yazid et al., 2012). Menurut Katiman (2001), bandar kecil juga menyediakan institusi pengumpulan, penyimpanan, pertukaran dan pengagihan bahan keluaran pertanian. Selain itu, peluang pendidikan formal dan tidak formal juga turut berlaku. Interaksi sosial, budaya dan pentadbiran dalam kalangan penduduk desa dengan bandar yang lebih besar turut berlaku. Kesemua kemudahan dan perkhidmatan ini adalah asas bagi mencetuskan pertumbuhan ekonomi desa, membaurkan inovasi dan mewujudkan peluang pekerjaan di kawasan mundur terutamanya di negara membangun. Pusat-pusat perkhidmatan bandar kecil ini sepatutnya mudah didatangi dari mana-mana tempat di seluruh kawasan pengaruhnya. Pusat-pusat ini menyediakan barangan dan perkhidmatan seperti pendidikan dan kesihatan bagi meninggikan taraf hidup masyarakat desa (Rondinelli & Ruddle, 1978). Seandainya fungsi ini wujud, maka barulah peranan pusat pertumbuhan sebagai penyedia kemudahan sosial, pencetus pembangunan, penyebar inovasi dan penyedia peluang pekerjaan dari sektor bukan pertanian dapat dilaksanakan (Yazid et al., 2012).

Permasalahan kajian

Perkembangan perniagaan kedua-dua sektor ini dikatakan menjadi pemangkin kepada pembangunan ekonomi bandar kecil di daerah Besut disebabkan aktiviti yang bergantung kepada sistem agihan dan pemasaran perkhidmatan barangan yang lebih murah dan mudah kepada penduduk bandar dan sekitarnya. Namun demikian, pertumbuhan sektor perniagaan yang semakin berkembang khususnya kewujudan pelbagai bentuk perniagaan seperti pusat membeli-belah menyebabkan sektor perniagaan yang berskala kecil khususnya perniagaan runcit kurang diberi perhatian memandangkan pengurusan di pusat membeli-belah adalah lebih tersusun. Hal ini telah memberi cabaran kepada peniaga-peniaga kecil untuk memajukan perniagaan mereka kerana terpaksa bersaing dengan perniagaan yang berskala besar.

Selain itu juga, kekurangan tapak-tapak khas untuk peniaga-peniaga khususnya aktiviti pergeraian dan penjajaan menyebabkan ianya dijalankan secara tidak teratur. Keadaan ini menimbulkan masalah kepada persekitaran bandar seperti mewujudkan suasana yang kurang menarik dan sering menimbulkan masalah kebersihan dan kesesakan terutamanya di pusat bandar. Masalah-masalah ini berlaku disebabkan oleh kelemahan PBT yang menyeluruh dalam melaksanakan penguatkuasaan peraturan, perundangan, garis panduan perancangan, piawaian perancangan, pengawalan aktiviti, sikap pekerja PBT dan kekurangan hasil kewangan PBT itu sendiri. Kebanyakan PBT hanya memberi perhatian terhadap masalah-masalah mendapatkan tapak yang sesuai, keperluan saiz tapak bangunan, penyediaan kemudahan

tempat pembuangan sampah yang sempurna, ketiadaan unit atau bahagian khas untuk melaksanakan peraturan secara menyeluruh dalam konteks perancangan sebenar.

Isu-isu perniagaan tidak formal ini tidak hanya di kawasan bandar utama seperti di Jerteh, Kampung Raja dan Kuala Besut malah di semua kawasan di daerah Besut. di daerah Besut, sektor perniagaan khususnya perniagaan sektor tidak formal seperti gerai dan penjaja di kawasan kajian didapati berada dalam keadaan fizikal yang usang, lokasi yang tidak selamat, rekabentuk gerai yang tidak seragam dan ketiadaan kemudahan awam yang cukup telah menjejaskan imej pemandangan yang tidak menarik bagi kawasan bandar. Perkembangan aktiviti perniagaan sektor tidak formal ini didapati berada dalam keadaan berkelompok dan letakan yang terlalu berdekatan dengan tepi jalan rizab yang sempit. Pemilihan lokasi perniagaan sektor tidak formal di kawasan bandar kebanyakan berlaku secara kebetulan seperti yang terdapat di bahu-bahu jalan atau jalan masuk ke perhentian bas atau teksi bandar, atas tapak letak kereta awam dan susur jalan belakang bangunan. Untuk memperbaiki keadaan ini, Majlis Daerah Besut akan mengambil tindakan penguatkuasaan seperti merampas peralatan perniagaan, membatalkan lesen perniagaan atau mengenakan denda. Kadangkala Majlis Daerah Besut juga turut menyerahkan notis penguatkuasaan menutup perniagaan atau menempatkan semula gerai dan pusat penjaja berpusat secara sementara di kawasan yang lebih teratur dan selamat.

Skop kajian dan pengumpulan data

Skop kajian dibentuk bagi memastikan objektif kajian dapat dicapai. Kajian ini akan menumpukan kepada kawasan perniagaan bandar utama di Daerah Besut iaitu bandar Jertih, Kampung Raja dan Kuala Besut.

Kajian ini dilaksanakan di tiga buah bandar kecil di daerah Besut iaitu Jertih, Kampung Raja dan Kuala Besut. Populasi boleh didefinisikan sebagai sekumpulan individu atau objek yang dikaji yang mempunyai satu set ciri yang menunjukkan cerapan atau ukuran tertentu. Sampel kajian terdiri daripada golongan peniaga yang menjalankan aktiviti perniagaan di bandar Jertih, Kampung Raja dan Kuala Besut. Bagi menjalankan kajian ini, pengkaji akan merujuk data atau rekod lesen perniagaan daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) khususnya Majlis Daerah Besut dan juga bilangan unit ruang niaga yang beroperasi di kawasan kajian. Terdapat sebanyak 250 buah unit ruang niaga yang beroperasi di tiga bandar kecil dalam kawasan kajian. Jumlah populasi dan bilangan sampel peniaga di setiap bandar ditunjukkan dalam Jadual 1 berdasarkan kepada kaedah Krejcie dan Morgan (1970).

Jadual 1. Ruang niaga yang beroperasi dan bilangan sampel dalam kalangan peniaga berdasarkan kaedah Krejcie dan Morgan (1970)

Bilangan	Bandar	Jumlah Ruang Niaga Yang Beroperasi (Jumlah Populasi)	Bilangan Sampel Peniaga	Peratus (*)
1	Jertih	120	92	46
2	Kampung Raja	35	32	16
3	Kuala Besut	95	76	38
Jumlah		250 buah	200 orang	100

Sumber: Jabatan Perlesenan Majlis Daerah Besut 2014

*Nota: Bilangan peratus dikira daripada jumlah bilangan sampel

Berdasarkan saiz sampel tersebut, bilangan sampel peniaga ialah seramai 200 orang daripada populasi atau jumlah ruang niaga yang beroperasi iaitu sebanyak 250 buah unit daripada tiga buah bandar kecil yang berbeza. Oleh hal yang demikian, bagi mendapatkan sampel yang dikehendaki, penyelidik telah menjalankan kerja lapangan di tiga buah bandar tersebut menggunakan kaedah soal selidik dan temubual ringkas dengan peniaga di setiap bandar berdasarkan item yang terdapat dalam soal selidik tersebut. Persampelan ini merupakan suatu pemilihan sampel yang mewakili populasi untuk dijadikan objek kajian.

Kawasan kajian

Daerah Besut merupakan sebuah daerah dalam Negeri Terengganu yang terletak di bahagian utara yang bersempadankan dengan Negeri Kelantan, Daerah Setiu di barat dan Daerah Hulu Terengganu di selatan. Daerah ini adalah yang keempat terbesar antara enam daerah dalam Negeri Terengganu. Besut mempunyai keluasan 123,367.80 hektar atau 9.52 peratus daripada keluasan keseluruhan Negeri Terengganu. Daerah Besut mempunyai 16 mukim iaitu Kuala Besut (1100.81 hektar), Keluang (1813.00 hektar), Tembila (5050.10 hektar), Tembila (5050.10 hektar), Kampung Raja (2363.40 hektar), Pengkalan Nangka (1651.10 hektar), Kubang Bembam (1165.50 hektar), Kerandang (4435.40), Jabi (14 794.50 hektar), Pelagat (8999.80 hektar), Lubuk Kawah (4097.90 hektar), Pasir Akar (7575.30 hektar), Tenang (17 651.60 hektar), Hulu Besut (46 245.50 hektar), Bukit Kenak (1956.20 hektar), Bukit Puteri (3075.60 hektar) dan Pulau Perhentian (1392.15 hektar).

Secara umumnya, Daerah Besut merupakan daerah yang masih lagi kaya dengan hutan semula jadi. Namun, pembangunan giat dijalankan di Besut dan terdapat pelbagai guna tanah yang semakin berkembang seperti petempatan, sektor perkhidmatan, sektor perniagaan dan sistem perhubungan serta pengangkutan yang semakin efisien bagi memastikan aksesibiliti antara suatu kawasan dengan kawasan yang lain. Hal ini lebih memudahkan penduduk di Daerah Besut untuk mendapatkan kemudahan dan perkhidmatan di sesebuah kawasan.

Taburan penduduk

Daerah Besut mempunyai bilangan penduduk keempat tertinggi di Negeri Terengganu. Jumlah penduduk Daerah Besut pada tahun 2010 ialah seramai 136 563 orang manakala unjuran penduduk bagi tahun 2020 pula seramai 226 437 orang. Perangkaan pada tahun 2010 menunjukkan bahawa bilangan penduduk mengikut jantina ialah lelaki seramai 69 152 orang dan perempuan seramai 67411 orang. Bilangan penduduk mengikut kumpulan umur pada tahun 2010 yang berumur 14 tahun ke bawah ialah seramai 48072 orang, umur 15 sehingga 64 tahun seramai 81 398 orang dan penduduk berusia 65 tahun ke atas adalah seramai 7093 orang (Jabatan Perangkaan Malaysia 2010).

Guna tanah semasa

Daerah Besut merupakan pengeluar utama padi, kelapa sawit, tembakau dan buah-buahan bagi Negeri Terengganu. Secara keseluruhannya, jika diteliti Daerah Besut ini masih lagi kaya dengan hasil hutannya yang melebihi penggunaan guna tanah yang lain iaitu 54.05 peratus. Guna tanah yang kedua terbesar ialah pertanian iaitu merangkumi 26.96 peratus manakala guna tanah yang paling sedikit ialah kawasan pantai iaitu sebanyak 0.30 peratus (Rancangan Tempatan Daerah Besut, 2020).

Asas ekonomi Daerah Besut

Asas ekonomi penduduk daerah Besut ini ialah sektor perniagaan, sektor perkhidmatan dan sektor pertanian. Sektor perniagaan merupakan antara sektor utama yang semakin berkembang pesat khususnya di bandar Jertih dengan kebanjiran pelbagai jenis perniagaan seperti tekstil, industri makanan dan barangan lain. Hal ini selari dengan pertambahan penduduk yang semakin meningkat dan sistem pengangkutan serta perhubungan yang semakin efisien. Aksesibiliti penduduk ke bandar-bandar kecil seperti Jertih, Kampung Raja dan Kuala Besut secara langsung membantu dalam mempergiatkan sektor perniagaan dan lain-lain sektor dengan rancaknya.

Sektor perkhidmatan juga merupakan antara sektor tertier yang menjadi nadi dalam asas ekonomi Daerah Besut. Pertumbuhan sektor tertier yang meliputi sektor perbankan, sektor kecantikan, sektor insurans dan telekomunikasi semakin berkembang pesat. Malahan pertumbuhan *homestay* secara persendirian juga semakin berkembang pesat sesuai dengan kedatangan pelancong dari luar ke Besut

untuk menghayati alam semulajadi di samping tempat rekreasi yang semakin berkembang. Selain menyediakan peluang pekerjaan yang banyak kepada penduduk, sektor ini juga turut menyediakan perkhidmatan yang diperlukan oleh setiap penduduk pada masa ini.

Selain itu, di daerah Besut juga luas dengan kawasan pertanian yang dimiliki sama ada secara persendirian atau agensi-agensi kerajaan. Aktiviti-aktiviti pertanian merangkumi sub-sektor tanaman, ternakan dan perikanan. Sektor pertanian merupakan salah satu sektor utama yang menyumbang kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) daerah Besut pada tahun 1998 dengan anggaran sumbangan sebanyak 7.9 peratus. Projek Pembangunan Pertanian Terengganu Utara (KETARA) yang beroperasi di daerah ini akan terus menyokong jabatan-jabatan agensi kerajaan untuk memajukan sektor pertanian daerah Besut terutama dalam meningkatkan pengeluaran padi kerana sebahagian besar kawasan ialah kawasan jelapang padi negara. Sektor pertanian dijangka akan berkurangan dari segi sumbangan kepada ekonomi daerah ini tetapi daripada aspek pengeluarannya, ia dijangka akan meningkat. Hasil pertanian tersebut akan dijual sama ada kepada penduduk tempatan, penduduk luar kawasan dan juga dieksport ke luar negara (Rancangan Tempatan Daerah Besut, 2020).

Peranan Besut dalam konteks wilayah

Berdasarkan kepada Rancangan Struktur Negeri dan dalam konteks Negeri Terengganu, Besut berperanan sebagai pusat daerah bagi wilayah utara Negeri Terengganu. Bandar Jertih akan menjadi bandar utama bagi wilayah utara negeri. Fokus akan diberikan kepada pembangunan industri asas tani dan khidmat pelancongan serta kawasan Agropolis iaitu pusat pengumpulan dan pemasaran hasil tani. Besut juga akan menjadi pusat pendidikan tinggi bagi Negeri Terengganu dengan cadangan pembinaan Universiti Darul Iman (UniSZa) dan Taman Ilmu di Tembila.

Daerah Besut merupakan kawasan pengeluar utama bagi padi, kelapa sawit. Tembakau dan buah-buahan bagi Negeri Terengganu. Keluasan tanaman padi mewakili hampir 75 peratus daripada keluasan tanaman padi bagi Negeri Terengganu. Selain itu, kelapa sawit juga mencatat keluasan tanaman tertinggi dengan 88,302 hektar berbanding Daerah Kemaman dengan 84,388 hektar. Kedua-dua daerah ini merupakan kawasan tanaman kelapa sawit utama bagi Negeri Terengganu. Selain pertanian, Besut juga terkenal dengan aktiviti pelancongan khususnya Pulau Perhentian yang berpotensi untuk menyumbang kepada pembangunan daerah Besut pada masa hadapan (Rancangan Tempatan Daerah 2020).

Projek-projek yang dirancang

Berdasarkan kepada Rancangan Struktur Negeri Terengganu, terdapat pelbagai projek-projek pembangunan yang dirancang bagi membangunkan daerah Besut seiring dengan pembangunan bandar yang berlaku di wilayah yang maju khususnya di Kuala Terengganu. Berikut adalah antara program dan projek-projek pembangunan yang telah dirancang oleh Kerajaan Negeri bagi setiap bandar di daerah Besut dalam membangunkan kawasan wilayah utara Terengganu (Rujuk Jadual 2).

Jadual 2. Projek-projek pembangunan di Daerah Besut

STRATEGI PEMBANGUNAN DAERAH BESUT DALAM RSN TERENGGANU	PROJEK/ PROGRAM YANG DIRANCANG	LOKASI YANG TERLIBAT DALAM CADANGAN
<p>1. Pembangunan Khusus melalui Pengwujudan Lembah Agro.</p> <p>2. Penubuhan Taman Bio-Teknologi</p> <ul style="list-style-type: none"> • Penumpuan pembangunan pertanian di dalam kawasan Lembah Agro dengan penekanan kepada penggunaan teknologi moden (termasuk bioteknologi) dan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) secara intensif. • Mengoptimalkan penggunaan sumberjaya ekonomi sedia ada. <p>3. Pengekalan Kawasan Tanaman Padi (<i>granary area</i>) di KETARA Sebagai Jelapang Padi Negeri dan Negara.</p> <p>4. Menggalakkan dan mempertingkatkan aktiviti-aktiviti perikanan ternakan air dan perlu disesuaikan dengan teknologi akan datang dengan rekabentuk yang intensif.</p>	<p>Konurbasi Jertih- Kg. Raja- Kuala Besut</p> <ul style="list-style-type: none"> • Hub tanaman padi, aktiviti urusniaga tani secara intensif, aktiviti perikanan dan pelancongan agro/ eko • Mewujudkan Taman Bio-Teknologi • Rumah 'abattoir' yang moden diperlukan di kawasan-kawasan sesuai di Besut untuk menentukan kebersihan dan pengwujudan standard-standard yang munasabah • Mengekalkan kawasan padi aktif dan produktif dengan sasaran 10 tan metric sehektar. • Pembinaan empangan ('barrage') baru bagi mengawal dan pengurusan secara efisien bekalan air ke sawah padi yang kini tidak begitu cukup. Projek ini akan membantu lagi dalam usaha-usaha untuk meningkatkan pengeluaran hasil padi di kawasan KETARA. • Mempermodenkan prasarana jeti, tempat pendaratan ikan, disekeliling kedai-kedai/ gerai-gerai makanan seafood dibersihkan, tersusun dan dipindahkan serta menambahkan kemudahan-kemudahan untuk jualan barang-barangan berasaskan agro bercorak tempatan. • Mengadakan kompleks pendaratan ikan di Kuala Besut. • Prasarana '<i>breakwater</i>' perlu dibina bagi keselamatan bot-bot semasa musim monsoon serta mengelak kecetekan akibat pemendapan. • Mengadakan '<i>fisherman's wharf</i>' • Penternakan ikan payau dan air tawar (akuakultur) 	<ul style="list-style-type: none"> • Jertih- Kg. Raja- Kuala Besut • Besut • KETARA • Jeti Besut • Kuala Besut • Tg. Demong/ Pasir Akar
<p>5. Mempertingkatkan pertumbuhan Bandar sebagai sempadan yang mampu untuk 'complement dan supplement' pembangunan Bandar bersempadan Negeri Kelantan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Melaksanakan projek-projek perniagaan melibatkan perniagaan berkonsepkan 'hypermarket' yang selesa, gerai-gerai yang moden yang boleh menempatkan perniagaan-perniagaan kecil juga menggalakkan kemasukan institusi-institusi kewangan dan perkhidmatan. • Membangunkan Pusat Pertumbuhan Industri (PPI) Sekunder IKS (contoh: berasaskan kayu) dan kluster Bio-Tech Park berasaskan projek agropolis di konurbasi Jertih, Kg. Raja dan Kuala Besut. • Mengketengahkan dan menyusun penempatan khas dengan kelengkapan infrastruktur dalam membangunkan industri berasaskan makanan dan hasil laut seperti keropok keeping, bengkel, kraftangan dan perabot (ODOI). 	<ul style="list-style-type: none"> • Bandar Besut • Jertih • Kuala Besut • Besut – Kg. Raja – Gong Medang • Kuala Besut / Kg Raja/ Jabi/ Tembila/ Bukit Payong/ Jertih
<p>6. Menggalakkan pelancongan agro/eko dengan meningkatkan tarikan pelancongan pantai dan pulau juga kawasan perkampungan warisan disamping membangunkan kompleks Pelancongan Bukit Keluang – Dendong dan Pemodenan jeti penumpang sebagai <i>gateway</i> ke pulau-pulau</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Pembangunan Kompleks Pelancongan Bukit Keluang-Dendong • Resort bersepadu lima bintang bertemakan senibina Terengganu • Pembangunan kompleks pelancongan dan pemodenan jeti penumpang sebagai 'gateway' ke pulau-pulau sebagai usaha untuk meningkatkan tarikan pelancongan pantai dan pulau. • Penyelenggaraan dan penaiktarafan La Hot Spring • Peningkatan taraf kemudahan asas dan infrastruktur termasuk meningkatkan tahap kemudahsampaian. • Menambahkan penginapan kediaman kos ekonomi. • Menjadikan Pulau Perhentian sebagai 'Diving Center' 	<ul style="list-style-type: none"> • Bukit Keluang • La Hot Spring • Pantai Peranginan • Pulau Perhentian

	<ul style="list-style-type: none"> • Penubuhan muzium agrotani dan pelancongan eko negeri di kawasan KETARA, mengadakan program homestay, program 'adventure trail' dan lain-lain. • Pembinaan Pusat Seni Ukir Negara (berasaskan kayu) – industri ukir, Pusat Latihan, kemudahan sokongan dan pengwujudan pengusaha baru selaras dengan 3 peranan pengusaha ukiran ini dalam pembinaan istana-istana, bangunan korporat termasuk ukiran di Pusat Pengajian Tinggi. 	<ul style="list-style-type: none"> • KETARA • Kg. Raja 																										
7. Meningkatkan tahap penyediaan dan memastikan bekalan infrastruktur dan utiliti adalah mencukupi dan berkualiti.	<ul style="list-style-type: none"> • Kajian Lembangan sungai-sungai utama dan pembinaan 'barrage' di Sungai Besut. • Pembinaan Loji Air Besut • Menaiktaraf bekalan air Hulu Besut. • Pembekalan air dari Loji Air Bukit Bunga ke Pulau Perhentian melalui paip dasar laut. • Penyediaan 'transfer station' bagi yang memberi khidmat kepada pusat pelupusan sampah utama • Menyediakan Loji Rawatan Kumbahan Berpusat (STF) • Menyediakan insenerator di pulau-pulau peranginan • Projek penyediaan komponen kemudahan masyarakat dan kemudahan rekreasi dan sukan 	<ul style="list-style-type: none"> • Sungai Besut • Hulu Besut • Bukit Bunga/ Pulau Perhentian • Besut • Pulau Perhentian 																										
8. Memastikan penyediaan kemudahan sosial mencukupi, seimbang dan menyeluruh sesuai dengan taburan dan keperluan penduduk semasa dan akan datang.	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Komponen Kemudahan</th> <th>Keperluan 2020</th> </tr> </thead> <tbody> <tr><td>Sek. Men</td><td>10</td></tr> <tr><td>Klinik Kesihatan</td><td>5</td></tr> <tr><td>Klinik Desa</td><td>25</td></tr> <tr><td>Balai Polis</td><td>11</td></tr> <tr><td>Pondok Polis</td><td>14</td></tr> <tr><td>Masjid</td><td>12</td></tr> <tr><td>Surau</td><td>39</td></tr> <tr><td>Dewan Sivik</td><td>8</td></tr> <tr><td>DOR</td><td>31</td></tr> <tr><td>Balai Raya</td><td>178</td></tr> <tr><td>Taman Bandar</td><td>2</td></tr> <tr><td>Taman Tempatan</td><td>8</td></tr> </tbody> </table>	Komponen Kemudahan	Keperluan 2020	Sek. Men	10	Klinik Kesihatan	5	Klinik Desa	25	Balai Polis	11	Pondok Polis	14	Masjid	12	Surau	39	Dewan Sivik	8	DOR	31	Balai Raya	178	Taman Bandar	2	Taman Tempatan	8	<ul style="list-style-type: none"> • Besut • IPD Besut • Taman Rekreasi Air Tawar • La Hot Spring • Kawasan Pelancongan Bukit Keluang/ Dendong/ Tembila
Komponen Kemudahan	Keperluan 2020																											
Sek. Men	10																											
Klinik Kesihatan	5																											
Klinik Desa	25																											
Balai Polis	11																											
Pondok Polis	14																											
Masjid	12																											
Surau	39																											
Dewan Sivik	8																											
DOR	31																											
Balai Raya	178																											
Taman Bandar	2																											
Taman Tempatan	8																											

Sumber: Rancangan Tempatan Daerah Besut 2020.

Berdasarkan kepada Jadual 2 di atas, didapati terdapat banyak program dan projek pembangunan yang dirancang di setiap bandar di daerah Besut. Perancangan yang dibuat adalah jelas untuk memajukan kawasan bandar di daerah Besut agar ia dapat memenuhi keperluan penduduk di kawasan kajian. Projek-projek yang dirancang oleh Pihak Berkuasa Tempatan khususnya Majlis Daerah Besut adalah meliputi pelbagai sektor. Antaranya ialah sektor pertanian, perikanan, perniagaan, perkhidmatan dan juga pelancongan. Segala perancangan yang dibuat adalah untuk memastikan penyediaan kemudahan sosial yang disediakan mencukupi untuk memenuhi keperluan penduduk seterusnya mampu meningkatkan sektor ekonomi di daerah Besut. Terdapat juga perancangan dalam menambahbaik prasarana dan meningkatkan tahap penyediaan bagi memastikan bekalan infrastruktur dan utiliti yang disediakan mencukupi dan berkualiti.

Hasil kajian dan perbincangan

Secara umumnya, tidak dapat dinafikan bahawa sektor perniagaan merupakan sektor ketiga yang menyumbang kepada pembangunan bandar kecil di daerah Besut di samping menyediakan perkhidmatan barangan dan keperluan asas kepada penduduk. Pertumbuhan sektor perniagaan yang semakin

berkembang juga telah banyak mempengaruhi dan meningkatkan guna tenaga malah mempengaruhi struktur pekerjaan di kawasan kajian. Namun demikian, perkembangan sektor perniagaan ini juga didapati memberi cabaran kepada peniaga-peniaga itu sendiri khususnya peniaga kecil yang terpaksa berdepan dengan cabaran kerana terpaksa bersaing dengan sektor perniagaan yang berskala besar.

Berdasarkan kepada hasil kajian yang diperolehi, didapati sebahagian besar daripada golongan peniaga adalah berasal daripada Negeri Terengganu. Selain daripada Terengganu, golongan peniaga yang menjalankan aktiviti perniagaan di daerah Besut adalah dari luar kawasan daerah iaitu dari Negeri Kelantan, Perak, Pulau Pinang, Johor dan juga Selangor. Hal ini jelas menggambarkan bahawa faktor jarak memainkan peranan yang sangat penting bagi seseorang peniaga atau pengusaha dalam menjalankan aktiviti perniagaan. Seterusnya mempengaruhi kecekapan dan keuntungan bagi sesebuah pengeluaran.

Melalui analisis yang dibuat ke atas latar belakang perniagaan di ketiga-tiga bandar kecil di daerah Besut, didapati sektor perniagaan runcit dan borong merupakan aktiviti perniagaan utama yang diceburi oleh golongan peniaga di kawasan kajian. Ini menunjukkan senario peruncitan di daerah Besut masih lagi didominasi oleh golongan peruncit tempatan dengan deretan kedai runcit yang berskala kecil dan sederhana. Kebanyakan kedai runcit adalah milik anak tempatan khususnya golongan Melayu dan Cina yang biasanya terletak di kawasan bandaran. Dapatan hasil kajian ini bertepatan dengan kajian oleh Jamilah Din (2008) yang mana terdapat sebanyak 24.5 peratus bersamaan dengan 52 buah kedai runcit koperasi bumiputera menjalankan aktiviti peruncitan bersaiz kecil dan sederhana di kawasan luar bandar negeri Sarawak.

Selain itu juga, dari segi tingkat pendapatan golongan peniaga di ketiga-tiga bandar kecil di daerah Besut menunjukkan sebahagian peniaga mempunyai tingkat pendapatan sebanyak RM5001 ke atas. Hal ini jelas menunjukkan bahawa pembangunan bandar kecil yang berlaku di daerah Besut telah mempengaruhi taraf hidup golongan peniaga khususnya dari segi pendapatan bulanan. Tingkat pendapatan yang diperoleh peniaga mempunyai perkaitan dengan modal permulaan yang dilaburkan.

Hasil dapatan ini bertepatan dengan kajian oleh Rosmin dan Katiman (2014) di Pusat Pertumbuhan Desa Kedah yang mana nilai modal perniagaan yang lebih tinggi dilaburkan oleh sebahagian besar peniaga di PPD Relau membolehkan mereka memperoleh tingkat pendapatan yang lebih tinggi berbanding dengan peniaga di kawasan lain. Secara umumnya, terdapat perbezaan perspektif antara peniaga di setiap bandar dalam menjalankan aktiviti perniagaan mereka, dengan perspektif mengenai masalah yang dihadapi, rancangan masa depan dan cadangan dalam meningkatkan aktiviti perniagaan di daerah Besut.

Persaingan merupakan masalah utama golongan peniaga di ketiga-tiga bandar. Perkembangan sektor perniagaan yang berlaku di daerah Besut menyebabkan peniaga-peniaga kecil seperti sektor perniagaan peruncitan, borong dan gerai-gerai kecil terpaksa bersaing dengan sektor-sektor perniagaan yang berskala besar seperti pasar raya Pantai Timut, Econjaya, Supermas, Pasarayaku, Zon Ria, Courth Mamoth, Guardian, Watson dan sebagainya yang terdapat di kawasan kajian. Dapatan ini berpadanan dengan kajian oleh Syarifah Rohaya et al. (2011) yang menyatakan bahawa pertumbuhan pasar raya seperti Boulevard Hypermarket, Choice Supermarket, Everise Departmental Store, H&L Supermarket, Ta Kiong Supermarket, Upwell Supermarket, Unaco Supermarket dan banyak lagi telah memberikan cabaran yang besar dan sengit kepada golongan peruncit kecil dan sederhana di Sarawak.

Hasil tinjauan mendapati kesan utama yang dihadapi oleh peniaga-peniaga berskala kecil ini ialah dari segi pola membeli belah pengguna. Selain itu, berlaku perubahan dari peruncit tradisional seperti kedai runcit dan perniagaan bercorak pasar seperti pasar malam, pasar pagi, pasar minggu kepada peruncit moden terutamanya pasar raya atau *hypermarket*. Ini kerana *hypermarket* asing menawarkan harga barangan yang murah, pilihan barangan yang pelbagai di bawah satu bumbung dan tempat letak kenderaan yang luas selain suasana membeli belah yang kondusif menyebabkan pengguna beralih kepada pasar raya atau *hypermarket*. Keadaan ini seterusnya telah memberi kesan kepada peruncit asal terutamanya peruncit kecil.

Perspektif golongan peniaga di bandar Jerneh memperlihatkan bahawa mereka tidak menghadapi masalah yang besar dalam menjalankan aktiviti perniagaan di bandar kecil tersebut. Namun, permasalahan

kekurangan fasiliti, sukar mencari pekerja dan kekurangan pelanggan merupakan antara cabaran yang perlu dihadapi kerana mereka perlu bersaing dengan sektor perniagaan yang berskala lebih besar yang terletak di lokasi perniagaan mereka. Perubahan yang berlaku pada pola membeli-belah barangan keperluan pengguna menyebabkan peniaga-peniaga kecil ini terpaksa bersaing dalam mendapatkan pelanggan. Hasil dapatan ini bertepatan dengan kajian yang dijalankan oleh Abd. Rahman (2007) yang mendapati *hypermarket* telah menjejaskan penguasaan peruncit kecil antara 30 hingga 40 peratus terutama di lokasi yang berhampiran dengan *hypermarket*.

Mengenai rancangan peniaga pada masa hadapan ialah sebahagian besar peniaga akan tetap menjalankan perniagaan mereka di bandar yang dipilih, berhasrat untuk meluaskan perniagaan dan mempelbagaikan produk jualan mereka seiring dengan perkembangan semasa. Syarifah Rohaya et al. (2011) mengatakan bahawa peruncit haruslah mengenal pasti kehendak pelanggan, membangunkan pelbagai produk, memperoleh maklumat pasaran dan kewangan bagi memastikan kejayaan perniagaan. Aktiviti peruncitan boleh dikatakan perniagaan yang mudah diceburi tetapi pada masa yang sama ia juga mudah untuk gagal. Oleh yang demikian, peniaga-peniaga kecil haruslah bijak memainkan peranan dengan bersaing secara sihat seperti mempelbagai produk jualan di pasaran agar aktiviti perniagaan yang dijalankan berjaya dan dapat memenuhi keperluan penduduk di daerah Besut.

Selain itu juga, berdasarkan kepada cadangan yang dikemukakan oleh peniaga dalam meningkatkan perniagaan di ketiga-tiga bandar, sebahagian besar peniaga mencadangkan agar Pihak Berkuasa Tempatan khususnya Majlis Daerah Besut untuk menyediakan lebih banyak ruang niaga, memajukan bandar, membuat pengiklanan dan juga menurunkan kadar sewa. Peniaga-peniaga berpendapat bahawa sekiranya kadar sewa yang dikenakan ke atas peniaga dapat dikurangkan, hal ini akan membantu dalam menarik minat penduduk tempatan untuk menceburkan diri dalam sektor perniagaan seterusnya mempengaruhi perkembangan sektor ini di daerah Besut.

Implikasi kajian

Secara umumnya, hasil kajian ini mempunyai kaitan langsung ke atas dasar pembandaran nasional khususnya di Terengganu. Sebagai sebuah wilayah atau daerah yang mengalami tahap pembandaran yang rendah dan nisbah kawasan dan penduduk bandar yang juga rendah, Besut boleh dianggap sebagai kawasan luar bandar. Pengaruh globalisasi masih lagi terbatas ke kawasan bandar yang tertentu sahaja. Kemajuan dari segi penyediaan infrastruktur dan infostruktur di daerah ini masih lagi rendah khususnya dari segi sektor perniagaan.

Sehubungan dengan itu, kebanyakan kawasan dalam daerah Besut ini masih lagi bersifat tradisional. Namun demikian, kepentingan sistem petempatan yang berhierarki secara terstruktur untuk mewujudkan lelehan pembangunan dari petempatan peringkat tertinggi ke peringkat rendah sememangnya tidak boleh dinafikan dan telah diterima oleh ramai pengkaji. Sebagai sebuah pusat pertumbuhan utama dalam sistem hierarki bandar di daerah Besut, ketiga-tiga bandar kecil ini iaitu bandar Jerteh, Kampung Raja dan Kuala Besut mampu memainkan peranan untuk mengagihkan barangan keperluan asas penduduk. Bagaimanapun keupayaan petempatan pusat tersebut dalam menggalak dan membaurkan pembangunan berskala kecil didapati berbeza-beza antara satu pusat pertumbuhan utama dengan pusat-pusat yang lain. Namun demikian, pelaksanaan projek-projek pembangunan seperti Taman Ilmu dan Universiti Darul Iman di bandar baru Tembila, projek menaiktaraf Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) di Gong Kedak, pembangunan semula Kuala Besut, pembangunan sektor pelancongan, perindustrian dan pertanian serta pembangunan institusi-institusi pendidikan dilihat mampu menjana pertumbuhan sektor perniagaan dan penjajaan di samping menonjolkan lagi imej bandar Besut. Pembangunan perniagaan di daerah Besut terutama di kawasan petempatan utamaseperti di Jertih, Kampung Raja dan Kuala Besut dijangka akan terus berkembang seiring dengan pertambahan penduduk dan tekanan pembangunan.

Oleh yang demikian, pihak Majlis Daerah Besut sememangnya berperanan besar dalam meningkatkan pembangunan bandar kecil di daerah di samping mempertingkatkan lagi perkembangan

sektor perniagaan. Melalui hasil dapatan ini, pihak Majlis Daerah Besut haruslah memainkan peranan dan inisiatif yang sesuai seiring dengan perkembangan semasa bagi meningkatkan prestasi pembangunan bandar kecil di daerah Besut seterusnya memastikan sektor perniagaan berkembang seiring dengan perkembangan bandar. Oleh itu, selain program pembangunan yang disarankan oleh rancangan pembangunan sedia ada, beberapa langkah awal perlu diambil untuk membolehkan bandar kecil berperanan lebih aktif.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, pembangunan bandar kecil di daerah Besut masih lagi menghadapi beberapa masalah untuk menggalakkan pembangunan di seluruh kawasannya. Namun demikian, tidak dapat dinafikan bahawa perkembangan sektor perniagaan merupakan penyumbang kepada pembangunan ekonomi dan bandar di daerah Besut. Hal ini dapat dilihat melalui kepentingannya dalam pembangunan bandar di kawasan kajian iaitu melalui peranannya dalam menyediakan peluang pekerjaan kepada penduduk, menyumbang kepada pendapatan kewangan kepada pihak berkuasa tempatan dan juga penting dalam pembentukan imej bandar. Perkembangan aktiviti perniagaan dan perkhidmatan di ketiga-tiga bandar kecil juga telah mempelbagaikan dan meningkatkan guna tenaga, mempengaruhi struktur pekerjaan dan meluaskan pasaran buruh. Di samping itu, berbagai-bagai kemudahan dan perkhidmatan awam dan sosial, ekonomi dan komersial dan kemudahan serta perkhidmatan lain dimaju dan dikembangkan sebagai pelengkap dan penggenap kepada berbagai-bagai aktiviti ekonomi dan sosial bandar. Sektor ini merupakan sektor ekonomi ketiga dan sering dijadikan satu saluran guna tenaga dan pekerjaan yang penting dalam ekonomi bandar. Perubahan dan transformasi struktur ekonomi bandar berlaku kerana pembangunan industri, aktiviti perniagaan dan pembangunan sektor ketiga menjadi saluran utama guna tenaga bagi penduduk bandar untuk meningkatkan kesejahteraan sosioekonomi mereka.

Rujukan

- Hardoy JE, Satterthwaite D (eds) (1986) *Small and intermediate urban centres: Their role in regional and national development in the Third World*. Hodder & Stoughton, London.
- Hopkins NS (1979) The small urban centre in urban development: Kita (Mali) and Testour (Tunisia). *Africa* **49** (3), 316-328.
- Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (2006) *Rancangan Struktur Negeri Terengganu*. Kuala Lumpur.
- Majlis Daerah Besut (2006) *Draf Rancangan Tempatan Besut 2008-2020*. Terengganu.
- Majlis Daerah Besut (2014) *Laporan Lesen Perniagaan*. Terengganu.
- Jamilah Din (2008) *Kajian Profil Koperasi di Negeri Sarawak dan Potensi untuk Dimajukan dalam Perniagaan*. Maktab Kerjasama Malaysia.
- Krejcie RV, Morgan DW (1970) Determining Sample Size for Research Activities. *Educational and Psychological Measurement* **38**, 607-610. [Cited 12/7/2014]. Available from: <https://opa.uprrp.edu/InvInsDocs/KrejcieandMorgan.pdf>.
- Laporan Tahunan ETP (2012) *Wholesale and Retail* [Cited 15/8/2014]. Available from: <http://www.teraju.gov.my/wp-content/uploads/2014/03/laporatahunan-etp-20121.pdf>.
- Rohaya Hj. Abdullah (2007) *Usaha Majlis Perbandaran Alor Gajah dalam Menggalakkan Perniagaan Sektor Tidak Formal di Bandar Baru Masjid Tanah, Alor Gajah Melaka*. (Tesis Sarjana). Fakulti Kejuruteraan dan Sains Geoinformasi. Universiti Teknologi Malaysia., Skudai.
- Rondinelli DA, Ruddle K (1976) *Urban functions in rural development: An analysis of integrated spatial development*. Office of Urban Development, Technical.
- Rondinelli DA, Ruddle K (1978) *Urbanization and rural development. A spatial policy for equitable growth*. Praeger Publishers, New York.

- Rosmin Talib & Katiman Rostam. 2014. Perancangan dan Pembangunan Pusat Pertumbuhan Desa PPD Kedah. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Satterthwaite D, Tacoli C (2003) The role of small and intermediate urban centre in regional and rural development. Paper prepared for the workshop Integrating Rural Development and Small Urban Centres: An Evolving Framework for Effective Regional and Local Economic Development. 18-19 March 2003. World Bank Headquarters, Washington DC.
- Sinar Harian (2013) Peniaga lega pindah ke Jertih Souq, 15 Julai.
- Syarifah Rohaya Wan Idris, Yusman Yacob, Frank Me-Ol Abdullah, Mohd Suandi Mortadza, Mohd Haswardi Morshidi (2011) Kajian Perdagangan Peruncitan Koperasi di Negeri Sarawak. Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi Maktab Koperasi Malaysia, Selangor.
- Tacoli C (1998) Rural-urban interaction: A guide to the literature. *Environment and Urbanization* **10** (1), 147-166.
- Von Bloh Hannah (2008) Small towns as interfaces for interaction, exchange and transition in Vietnam. *The Ausrian Journal of South East Asian Studies (ASEAS)* **1**(2), 7-18.
- Wandschneider T (2004) Small Rural Towns and Local Economic Development: Evidence from Two Poor States in India. Paper prepared for the International Conference on Local Development, Washington, 17-18 June.
- Yazid Saleh, Katiman Rostam, Mohd Yusof Hussain (2011) Model Hierarki Kefungsian dan Pusat Pertumbuhan sebagai Asas bagi Merancang Kawasan Luar Bandar di Malaysia: Bukti dari Daerah Batang Padang, Malaysia. *GEOGRAFIA-Malaysian Journal of Society and Space* **7**, 66-79.
- Yazid Saleh, Katiman Rostam, Mohd Yusof Hussain (2012) Cabaran Perubahan Fungsi Bandar Kecil dalam Era Globalisasi: Petunjuk Positif dari Tanjung Malim, Malaysia. *GEOGRAFIA- Malaysian Journal of Society and Space* **8** (2), 98-111.